

04 OCT 2003

LIMA-Hujan

HUJAN DAN ANGIN TIDAK JEJASKAN LIMA 2003

Oleh S. Retnanathan

LANGKAWI, 4 Okt (Bernama) - Hujan lebat dan angin kencang yang melanda pulau peranginan ini sejak awal hari ini tidak menjejaskan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) 2003 yang masuk hari kelima, hari ini.

Ketika orang ramai berduyun-duyun datang untuk menyaksikan LIMA 2003 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, tempat pameran udara diadakan, dan di Awana Porto Malai di mana pameran maritim diadakan, cuaca buruk telah menyebabkan pembatalan beberapa demonstrasi dan pertunjukan udara.

Jabatan Kajicuaca Pulau Pinang ketika dihubungi Bernama berkata hujan dan angin kencang akan berterusan sehingga tengah malam ini manakala kebanyakan perkhidmatan feri dari Pulau Pinang ke Langkawi ditangguhkan akibat laut bergelora.

Kebanyakan feri dari Pulau Pinang dialihkan laluan ke Kuala Perlis.

LIMA 2003 bermula pada Selasa dan empat hari lepas hanya dikhaskan bagi pelawat perdagangan.

Ribut telah memaksa masa pertunjukan udara dipendekkan dan menghalang orang ramai daripada melawat kapal-kapal yang berlabuh di Awana Porto Malai berikutan bot-bot kecil tidak dapat membawa pelawat ekoran keadaan laut bergelora.

Ini merupakan pertama kalinya LIMA, sejak dianjurkan pada 1991, diadakan pada Oktober.

Biasanya pameran itu diadakan pada Disember, yang keadaan cuaca adalah sempurna bagi pameran seumpama itu.

Bagaimanapun, untuk tidak menghampakan beribu pengunjung yang datang, pertunjukan udara diadakan pada kira-kira 3 petang hari ini, dengan persembahan oleh pasukan terkemuka dunia Red Arrows.

Ia diikuti dengan pertunjukan helikopter Rooivalk dan kemudiannya penerbangan solo oleh jet pejuang Rusia, Sukhoi.

Acara kemuncak pameran udara ialah pertunjukan pesawat MIG 29s Tentera Udara Diraja Malaysia yang menguasai ruang udara Langkawi walaupun hujan.

Jalan-jalan menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi mengalami kesesakan lalu lintas, membuatkan anggota trafik sibuk sepanjang hari.

"Saya kecewa dengan pertunjukan udara yang sedikit. Saya mahu anak-anak saya melihat pertunjukan berkenaan kerana saya percaya pertunjukan itu dapat menaikkan minat mereka untuk menjadi juruterbang dengan Tentera Udara Diraja Malaysia," kata Mohammad Hussin, yang datang dari Seberang Perai, Pulau Pinang dengan keluarganya.

Bagaimanapun, keluarganya tetap terhibur dengan hanya melawat pavilion di pusat pameran.

Jamaliah Yusof, juga dari Pulau Pinang, berharap keadaan cuaca akan baik dan pertunjukan udara boleh bermula.

"Saya datang awal. Saya berada di sini kira-kira 9 pagi. Saya akan tunggu pertunjukan udara walaupun ia bermula 4 petang," kata ibu yang datang bersama empat anaknya.

Melissa Ong, dari Ipoh, yang berada di segmen udara dengan kawan-kawannya berkata "kumpulannya" menunggu dua tahun untuk menyaksikan pertunjukan di LIMA 2003.

"Saya menunggu dua tahun untuk pertunjukan ini. Saya bayar RM20 untuk masuk dan sudah tentu saya kecewa tetapi kami tidak boleh menyalahkan sesiapa, ia lumrah alam semulajadi," katanya.

Halimah Mustapha dari Johor berkata walaupun cuaca telah menjejaskan

perancangannya, beliau tetap gembira kerana berpeluang melihat pameran maritim dan udara.

"Tiada masalah...walaupun jika pertunjukan udara dibatalkan, sekurang-kurangnya saya berpeluang melawat pameran. Saya hanya kecewa kerana saya tidak berpeluang berjumpa Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad). Saya mahu bersalam dengannya dan menyatakan terima kasih atas jasanya kepada negara," katanya selepas dimaklumkan Dr Mahathir telah berlepas pulang ke Putrajaya dari Langkawi malam tadi.

S. Selvarajan dari Kedah sementara itu berkata LIMA 2003 tidak mengecewakan kerana beliau tidak pernah ketinggalan menyaksikan pameran LIMA sejak ia dianjurkan pada 1991.

"Ia OK. Saya bawa keluarga saya ke sini setiap dua tahun...kami telah menyaksikan semuanya jadi saya tidak kecewa. Pameran kali ini juga lebih baik," katanya.

Abdul Ghani Zainal dari Kerteh, Terengganu berpendapat LIMA 2003 amat bermaklumat bagi anak-anaknya kerana mereka boleh mengetahui banyak perkara mengenai kapal terbang.

"Ia baik untuk golongan muda untuk datang ke sini dan belajar sesuatu yang bermanfaat. Lagipun pertunjukan ini bukan sahaja dapat meningkatkan industri yang terlibat tetapi juga bagi orang ramai memperoleh pengetahuan lebih banyak mengenai kapal dan kapal terbang," katanya.

-- BERNAMA

SR ZS HM AAM RHM